

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]**

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB. TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan masih komited membawa mereka yang bertanggungjawab menyebabkan negara kita kehilangan berbilion ringgit akibat skandal 1MDB ke muka keadilan berserta dengan langkah-langkah yang diambil untuk mencapai matlamat ini.

JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]

Jabatan Peguam Negara komited untuk mendakwa mana-mana orang yang melakukan apa-apa kesalahan jenayah tanpa mengambil kira bangsa, kedudukan, keturunan dan fahaman politik orang itu. Setakat ini, sebanyak tiga puluh empat kes yang berhubungan dengan kes 1MDB dan kes SRC International telah didakwa di Mahkamah. Daripada tiga puluh empat kes tersebut, tiga puluh dua kes masih dalam perbicaraan di Mahkamah.

Apa-apa wang dan aset berhubung dengan kes ini yang telah dan akan dirampas dan dikembalikan kepada Kerajaan akan dikreditkan ke dalam Akaun Amanah Pemulihan Aset 1MDB.

Sekian, terima kasih.